



DUGA ILMU

A. Lengkapkan ayat dengan pilihan jawapan yang tepat.

1. Sebagai tuai rumah salah sebuah rumah panjang, beliau meminta penduduk di situ supaya saling _____.

bergurau senda

tolong-menolong

bersuka ria

2. Amalan bertegur sapa sesama jiran sangat penting kerana dapat _____.

mengenal jiran

bermusuhan
dengan jiran

menjauhi jiran

3. _____ merupakan aktiviti yang dapat meningkatkan semangat hidup berjiran.

Bergotong-royong

Menonton
televisyen

Bermain gajet

4. "Kami semua _____ penubuhan pasukan sukarelawan kampung ini Tok Penghulu," kata Hashim semasa mesyuarat komuniti.

membantah

menyokong

tidak setuju

5. Jun Li _____ Mak Cik Samu yang baru sahaja pulang dari hospital.

membiarkan

menziarahi

sayang

6. Ateng menunjukkan sikap _____ apabila dia mengambil berat tentang kebajikan jiran-jirannya.

toleransi

prihatin

berdikari

* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
Sila rujuk pada QR code Duga Ilmu di muka surat 104.

39